

CNS1347

R GB 20-06 00181 BA380

BAH

Mahathir - Maal Hijrah

MALAYSIA BERJAYA TEGAKKAN PRINSIP KUKUHKAN MASYARAKAT

KUALA LUMPUR, 20 Jun (Bernama) -- Malaysia telah berjaya menegakkan prinsip yang dapat mengukuhkan asas masyarakat berbilang kaum dengan memberi keadilan sosial, pembahagian ekonomi saksama, kerjasama politik kukuh dan memberi nilai tinggi kepada perpaduan bangsa, kata Perdana Menteri.

Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad berkata, kekuatan asas masyarakat itulah yang membuka peluang dan ruang amat luas kepada rakyat untuk berusaha bersungguh-sungguh mengejar kemajuan dan kebahagiaan hidup.

"Ia juga menjadi landasan yang kukuh kepada umat Islam di negara ini untuk meningkatkan kedudukan ekonomi, tahap penguasaan ilmu dan kecekapan mereka," katanya dalam perutusan semoena Maal Hijrah 1414, di sini, hari ini.

Salinan perutusan itu dikirimkan Dr Mahathir yang kini berada di China untuk lawatan sepuluh hari sejak Abad lepas.

Beliau berkata, peluang dan laluan untuk penyebaran syiar Islam di negara ini juga terbuka luas.

Di bawah pentadbiran kerajaan sekarang, ajaran Islam yang sebenar dapat berkembang dengan pesat dan umat Islam tidak keliru akan kehendak agama dan cara hidup Islam, katanya. -- Lagi.

▼20/06/15-53MST

R GB 20-06 00163 BA381

BAH

Mahathir - Maal Hijrah 2 Kuala Lumpur

Dr Mahathir berkata, umat Islam di negara ini perlu bersyukur kerana ditakdirkan Allah S.W.T menjalani hidup yang lebih baik dengan keadaan negara begitu aman dan makmur berbanding umat Islam di negara lain.

"Ini adalah berkat kesedaran dan keinsafan kita terhadap pentingnya menjaga maruah dan keutuhan umat dan agama Islam di negara kita," katanya.

Bagaimanapun, katanya, apa yang sedang berlaku dan menimpa umat Islam di dunia sekarang amatlah mengecewa dan menyedihkan kerana nasib mereka kini amatlah buruk dan memalukan.

"Mereka dianiaya, ditindas, dihina dan tidak dihormati lagi pihak lain. Malah di beberapa negara, orang Islam dibunuh, diseksa, dirogol dan dipenjarakan dengan sewenang-wenangnya seperti apa yang berlaku di Bosnia-Herzegovina," katanya.

"Lebih memilukan ialah betapa umat Islam di tempat-tempat lain tidak dapat berbuat apa-apa untuk menolong rakan seagama mereka yang menjadi kekejaman orang lain kerana mereka tidak mempunyai kekuatan dan kebebasan untuk melakukannya," kata Dr Mahathir. -- Lagi.

▼20/06/16-00MST

R GB20-06 00175 BA382

BAH

Mahathir - Maal Hijrah 3 (Akhir) Kuala Lumpur

"Apa yang boleh kita lakukan hanya melihat kezaliman terus menimpa umat Islam dan berharap kuasa-kuasa dunia berlaku adil dan bertindak," katanya.

Dr Mahathir berkata, walaupun segalanya ditakdirkan Allah S.W.T, umat Islam di negara ini tidak harus menunggu tanpa membuat apa-apa untuk memelihara, menyelamat dan memperkuatkan diri.

Katanya, umat Islam di Malaysia tidak ditindas malah boleh membantu umat Islam di negara lain kerana kerajaan berusaha menegakkan sebuah negara yang aman dan memajukan umat Islam tanpa menindas yang bukan Islam.

"Dengan kemajuan yang dicapai, kita dapat membebaskan diri daripada bergantung kepada bantuan orang lain, baik daripada segi kewangan dan ketenteraan, yang mana ini boleh menghadkan kemerdekaan kita," katanya.

Sempena sambutan Maal Hijrah esok, Perdana Menteri menasihatkan umat Islam supaya berusaha meningkatkan lagi keimanan dan ketaqwaan kepada Allah S.W.T.

Mereka juga disarankan meningkatkan usaha membentuk diri supaya terus berberibadi mulia dan murni di sisi agama serta memastikan keadaan negara terus stabil dan makmur. -- Bernama.

NAK KAM.

▼20/06/16-05MST